

## Garis Panduan bagi Pendakwah Wanita di Televisyen dalam Aspek Penampilan Berdasarkan al-Qur'an

Guidelines for Women Television Preacher in Appearance Based on The al-Qur'an

SHAFIZA SHAFIE  
FADLAN MOHD OTHMAN

### ABSTRAK

*Wanita Muslimah di Malaysia memainkan peranan penting dalam bidang dakwah, khususnya dakwah melalui media massa seperti televisyen. Namun, penelitian yang dilakukan terhadap pendakwah wanita ini tidak mematuhi garis panduan yang dianjurkan oleh Islam seperti dalam aspek penampilan, percakapan dan pergaulan. Ini berikutan ketiadaan garis panduan yang sempurna sebagai panduan kepada pendakwah wanita Muslimah ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji garis panduan bagi pendakwah wanita khusus dalam aspek penampilan menurut al-Qur'an. Kajian dilakukan menerusi kajian kualitatif yang menggunakan analisis dokumen dan observasi sebagai metode pengumpulan data. Hasil kajian ini dapat menghasilkan garis panduan berdakwah kepada para pendakwah wanita di televisyen. Dengan demikian, kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pihak-pihak berkepentingan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta unit penyiaran dan media bagi penambahbaikan garis panduan yang telah sedia ada.*

*Kata kunci: Garis panduan; pendakwah wanita; televisyen; penampilan*

### ABSTRACT

*Muslim women play an important role in missionary preaching, especially through the mass media such as television (TV). However, the analysis done on women preachers do not comply with the guidelines in Islam as in terms of appearance, speech and association. This is due to the absence of guidelines to guide Muslim women preachers. Thus, this research investigate the guidelines for specific women preachers in terms of appearance according to the Qur'an. This study is a qualitative study using document analysis and observation as methods of data collection. This research, produces some guidelines for women preachers appearing on television. Thus, this study contributes to stakeholders such as Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), and media and broadcasting units to improve existing guidelines.*

*Keywords: Guideline; women preachers; television; appearance*

### PENDAHULUAN

Wanita Muslimah memainkan peranan penting dalam bidang dakwah, khususnya dakwah melalui media massa seperti televisyen. Namun, penelitian yang dilakukan terhadap pendakwah wanita ini tidak mematuhi garis panduan yang dianjurkan oleh Islam seperti dalam aspek penampilan, percakapan dan pergaulan. Ini sebagaimana penerangan Amini Amir (2009) yang menyatakan dakwah secara *lughawi* berasal daripada bahasa Arab. Ia membawa maksud seruan, panggilan, dan undangan. Secara istilah, kata dakwah bererti menyeru atau mengajak manusia untuk melakukan kebaikan dan menuruti petunjuk, menyuruh berbuat kebajikan dan melarang perbuatan mungkar yang dilarang oleh Allah SWT dan Rasulullah agar manusia mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Peranan pendakwah wanita kini dilihat sama pentingnya dengan peranan kalangan lelaki dalam berdakwah. Gandingan mantap antara mereka ini telah menjadi satu fenomena yang merubah peranan wanita yang dahulunya hanya layak menjadi guru sahaja. Pendakwah wanita kini dilihat lebih ke hadapan dalam ceramah-ceramah agama, terutama yang berkaitan dengan isu-isu semasa berbeza dengan apa yang berlaku sekitar era 1960-an dan 1970-an. Ini dibuktikan dengan pihak penganjur program dakwah sedaya upaya berusaha untuk memastikan setiap forum dakwah mesti mengutarakan kedua-dua pendakwah lelaki dan wanita bagi memastikan kehendak penonton dapat dipenuhi. Ia seterusnya menolak anggapan bahawa peranan wanita hanya terhad di rumah sahaja. Ini kerana Islam membenarkan wanita bergiat aktif dalam masyarakat asalkan mereka berada dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh

syariat. Ini penting untuk menjaga kemuliaan dan kehormatan kaum wanita itu sendiri dan pada masa yang sama dapat menyelamatkan kaum lelaki daripada fitnah godaan. Namun bilangan pendakwah wanita masih begitu sedikit berbanding pendakwah lelaki di Malaysia. Dapatlah diketahui bahawa wanita boleh keluar rumah atau berdakwah asalkan mereka mematuhi garis panduan sebagaimana yang ditetapkan oleh Islam.

## WANITA MUSLIMAH SEBAGAI PENDAKWAH

Di Malaysia, aktiviti-aktiviti dakwah telah dipergiatkan dengan pelbagai cara, sama ada melibatkan media cetak atau media elektronik, termasuk juga yang melibatkan golongan wanita Muslimah sebagai pendakwah. Ini sebagaimana saranan al-Qaradawi (1992) yang mencadangkan agar gerakan dakwah memberi peluang kepada golongan wanita untuk bergiat cergas dalam gerakan Islam memandangkan mereka juga mempunyai tugas atau peranan yang besar.

Di Malaysia, terdapat banyak saluran televisyen yang menyiarkan aktiviti-aktiviti dakwah seperti TV1, TV3 dan TV9. Semuanya menampilkan pendakwah daripada kalangan lelaki dan wanita menerusi sajian rancangan yang pelbagai. Antara contoh rancangan dakwah yang melibatkan pendakwah wanita ialah TV9. Serimah (2010) menyatakan TV9 merupakan saluran televisyen berunsur keagamaan dan menjadi nadi penguat utama rancangan televisyen tersebut. Oleh itu, muncul pendakwah wanita seperti Ustazah Nor Bahyah binti Mahmood menerusi rancangan dakwah *Semanis Kurma*, Ustazah Nor Hafizah binti Musa menerusi rancangan *Tanyalah Ustazah* dan Ustazah Dr. Masyitah binti Ibrahim menerusi rancangan *Halaqah*. Di samping itu, al-Qaradawi (1992) juga menyatakan tugas utama gerakan dakwah kini ialah dakwah dan tarbiah kepada seluruh umat manusia dan menggunakan pendekatan yang berstrategi dengan mengambil faedah apa jua bentuk terkini, kepelbagaian ilmu, teknologi dan peralatan moden. Semua itu digunakan untuk melengkapkan dakwahnya serta memperjelaskan matlamatnya. Gerakan dakwah yang paling berjaya ialah gerakan yang mampu menggerakkan masyarakat bersamanya, memberi kejayaan dan kemajuan kepada masyarakatnya. Oleh itu, gerakan dakwah perlu bergelumang dengan isu-isu masyarakat dan mengambil berat tentang masalah mereka.

Sebagaimana maklum, pendakwah wanita menggunakan media dakwah melalui televisyen amat

memberi pengaruh dan kesan kepada para penonton yang mengikuti rancangan dakwah tersebut selaku orang yang menjadi sasaran dalam dakwahnya. Ini disokong oleh kenyataan Nor Fairoz (2008) bahawa televisyen merupakan medium terbaik dalam menyampaikan dakwah. Peranan pendakwah wanita itu sendiri mesti menunjukkan ikutan yang baik sebagaimana yang digariskan oleh Islam. Haslina (2012) menyatakan dakwah yang proaktif sifatnya bermula dengan diri pendakwah itu sendiri sebagai *qudwah hasanah*. Para pendakwah perlu menjadi contoh ikutan yang baik dari segi akhlak, personaliti bahkan juga keluarga.

Ini menunjukkan keperluan dakwah di era moden ini sudah tentu berbeza dengan konsep dakwah yang diamalkan dan dilakukan oleh para pendakwah wanita terdahulu dalam menyampaikan dakwah. Ia sudah tentu menggunakan saluran teknologi terkini dalam menyampaikan dakwah. Teknologi terkini yang sering digunakan dalam menyampaikan dakwah ialah melalui media elektronik seperti televisyen dan radio. Namun begitu, kewujudan sesetengah pihak yang mengecam golongan wanita yang berdakwah dengan media seperti ceramah umum melalui radio dan televisyen dengan hujah matlamat tidak menghalalkan cara. Persoalannya, mengapakah terdapat kecaman sedemikian kepada para pendakwah wanita? Adakah ini disebabkan oleh gaya penampilan atau tingkah laku pendakwah wanita yang agak keterlaluan dalam menyampaikan dakwah? Justeru, kajian ini membahaskan tentang aspek penampilan yang menjadi elemen penting dijaga dan dipatuhi oleh pendakwah wanita masa kini.

## GARIS PANDUAN BAGI PENDAKWAH WANITA DALAM ASPEK PENAMPILAN MENURUT AL-QUR'AN

Syariat Islam bersifat dengan sifat-sifat umum merangkumi semua aspek dan sesuai dengan semua peringkat manusia dan peredaran zaman. Ia merangkumi pelbagai aspek dan semuanya mempunyai hukum-hukum tertentu (Rusydi & Haliza 2011). Ini sebagaimana yang dinukilkan dalam al-Qur'an, surah al-A'raf, 7:145, yang mafhumnya: "sebagai peringatan dan penjelasan bagi segala sesuatu".

Setelah diteliti daripada syariat Islam terhadap wanita, kajian ini membahagikan aspek penampilan kepada tiga bahagian utama, iaitu pakaian, perhiasan dan solekan anggota badan. Kajian ini turut membahagikan setiap bahagian tersebut kepada

dua bahagian, iaitu praktikal (luaran) dan spiritual (dalaman). Perbincangan aspek penampilan bagi pendakwah wanita dikupas dari sudut praktikal (luaran) dan spiritual (dalaman). Garis panduan penampilan merangkumi etika berpakaian, perhiasan dan solekan anggota badan.

#### ETIKA BERPAKAIAN PENDAKWAH WANITA

*Dari Segi Praktikal* Dalam aspek penampilan, Ahmad Matlub (1995) mendefinisikan maksud hijab, jilbab dan khumur dengan mendefinisi beliau bagi hijab sebagai penutup. Manakala jilbab pula bererti selendang, atau pakaian lebar yang dipakai wanita untuk menutupi kepala, dada dan bahagian belakang tubuhnya (Muslimah). Khimar pula bererti tudung kepala. Antara garis panduan Islam dalam berpakaian ialah:

1. Pakaian Menutup Aurat. Perintah berhijab ini sebagaimana yang disuruh kepada wanita Muslimah agar memakai pakaian yang menutup aurat. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Qur'an, surah al-Nur, 24:31, yang mafhumnya:

Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka daripada memandang yang haram, dan memelihara kehormatan mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya, iaitu muka dan kedua telapak tangan, dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan atau perempuan-perempuan Islam atau hamba-hamba mereka atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi daripada perhiasan mereka dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah SWT, wahai orang yang beriman supaya kamu berjaya.

Al-Sabuni (2007) menyatakan ayat ini menunjukkan perintah kewajipan ke atas semua wanita untuk menutup aurat mereka, dan termasuk juga menjaga maruah ataupun kemaluan mereka daripada melakukan zina. Ia diertikan juga dengan menahan pandangan mereka daripada melihat perkara-perkara yang haram. Hal ini telah disepakati oleh para *fuqaha* yang mengharamkan pendedahan aurat oleh wanita. Namun mereka

berselisih pendapat tentang had aurat antara aurat wanita dengan wanita dan aurat wanita dengan lelaki. Di sini dijelaskan bahawa aurat wanita dengan wanita sebagaimana aurat lelaki dengan lelaki, iaitu dari pusat hingga ke lutut kecuali jika ada bersama Muslimah itu golongan kafir *dhimmah* ataupun kafir *harbi*. Manakala aurat wanita dengan lelaki pula dijelaskan dengan jika kedua-dua mereka tidak mempunyai sebarang hubungan maka seluruh tubuh wanita itu dikira aurat.

Namun begitu, perkara ini telah dibahaskan dan menurut al-Sabuni (2007), kebanyakan imam besar yang menyatakan wajah dan telapak tangan bukan aurat ialah apabila ianya aman daripada fitnah dan bebas daripada perhiasan yang boleh membuat pandangan manusia, terutama lelaki tertumpu kepadanya. Tetapi jika dengannya menarik pandangan lelaki kepadanya disebabkan adanya perhiasan ataupun kecantikan yang dibuat, maka hukumnya tetap diharamkan oleh semua imam tersebut.

Justeru, walaupun terdapat pelbagai khilaf mengenainya, pengkaji menggunakan pendapat al-Sabuni (2007), iaitu seorang yang dianggap sebagai jumur ulama adalah pendapat terbaik, iaitu wajib ke atas semua wanita untuk menutup aurat mereka kecuali wajah dan kedua telapak tangan. Ini kerana pengkaji merasakan ini bersesuaian dengan suasana di Malaysia.

2. Dalam berpakaian, wanita Muslimah juga mestilah tidak meniru golongan kafir dalam berpakaian. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Qur'an, surah al-Jathiyah, 45:18, yang mafhumnya: "Pada kesudahannya kami jadikan engkau wahai Muhammad SAW dan utuskan engkau menjalankan satu jalan yang cukup lengkap daripada hukum-hukum agama, tuntutlah akan jalan itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang yang tidak mengetahui perkara yang benar".
3. Selain itu, al-Albani (2000) juga menjelaskan tentang ayat di atas bahawa Allah SWT telah menjadikan Nabi Muhammad SAW berada di atas suatu syariat agama, yang Allah SWT memerintahkan Baginda untuk mengikutinya dan melarang Baginda mengikuti hawa nafsu orang yang tidak mengetahui. Termasuk juga dalam kategori orang yang tidak mengetahui ialah semua orang yang tidak mengikuti syariat Allah SWT. Sedangkan hawa nafsu mereka adalah apa yang mereka inginkan dan gaya ataupun cara yang lahir daripada orang kafir,

yang merupakan tuntutan agama-agama mereka yang batil sehingga mereka menyukainya. Menyukai mereka dalam hal tersebut bermakna mengikuti hawa nafsu mereka. Sebab itulah orang kafir bergembira dengan tindakan kaum Muslimin yang menyerupai mereka pada sebahagian urusan mereka. Mereka rela mengorbankan dana yang banyak agar hal itu terjadi. Semua tindakan jahat mereka ini hanyalah mengundang kemurkaan Allah SWT dan jauh daripada keredaaan-Nya.

4. Pemakaian tudung perlu memenuhi syarat-syarat tertentu. Dalam soal pemakaian tudung pula, terdapat beberapa syarat agar ia menepati garis panduan Islam:

- a. Tudung tersebut mesti menutupi dada dan tidak memakainya dengan mengikut fesyen yang salah. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Qur'an, surah al-Nur, 24:31, yang mafhumnya: "dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka". Al-Qurtubi (2004) menggariskan bahawa pemakaian ataupun tudung tersebut mesti tidak meniru gaya para biarawati yang mana tudung tetapi tidak menutup dada, leher dan kedua daun telinga.
- b. Muslimah mesti tidak meninggikan sanggul rambut atau menggunakan benda lain seperti kain dan serban untuk tujuan tersebut. Ini kerana perbuatan sedemikian hukumnya haram sebagaimana riwayat hadith Muslim:

Mafhumnya: Daripada Abu Hurairah RA, dia berkata: Rasulullah SAW telah bersabda: "Ada dua golongan ahli neraka yang belum pernah aku lihat, iaitu kaum yang membawa cambuk seperti ekor lembu yang mereka gunakan untuk memukul orang lain dan para wanita yang berpakaian tapi auratnya terlihat yang berjalan melenggok-lenggok, sedangkan kepala mereka bagaikan bonggol unta yang miring". Mereka itu tidak akan masuk ke dalam syurga dan juga tidak akan mencium bau syurga. Padahal, harum semerbak syurga itu dapat dirasakan dari jarak yang begini (Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab tentang pakaian dan perhiasan, Bab: Wanita yang berpakaian tapi auratnya nampak, hlm. 846, No. 2128).

Imam Nawawi (1999) berkata, maksud hadith tersebut, "Kepala-kepala mereka laksana punuk-punuk unta dari Khurasan" ialah mereka memperbesarkannya dengan lilitan serban atau semisalnya. Sementara hadith Ummu Salamah RA turut menegaskan larangan wanita untuk menyanggul rambut di atas kepala mereka. Nabi

Muhammad SAW pernah masuk menjumpainya ketika dia memakai tudung. Baginda kemudian bersabda, "Lilitkan sekali sahaja, jangan dua kali".

5. Muslimah mesti menjauhi pakaian yang membawa kepada dosa dan syirik. Ini sebagaimana hadith riwayat Bukhari:

Mafhumnya: Diriwayatkan daripada Anas bin Malik, bahawa kain tipis milik 'A'ishah RA digunakan sebagai langsir, Nabi Muhammad SAW lalu bersabda: "Singkirkanlah kain itu dari kita, kerana gambar-gambarnya selalu mengganggu dalam solatku" (al-Dhahabi, *Sahih al-Bukhari ma'a Kashf al-Mushkil li al-Imam Ibn al-Jawzi*, Kitab: Pakaian. Bab: Tegahan memasuki gambar di dalam solat, hlm. 132, No. 5959).

Ibn Hajar al-Asqalani (2000) menyatakan jumhur ulama mengatakan apabila larangan itu berhubung dengan makna perbuatan itu sendiri, ia bermaksud rosaknya amalan tersebut. Islam juga tidak menetapkan fesyen pakaian tertentu bagi kaum wanitanya. Apa yang penting ialah pakaian tersebut hendaklah menepati syarat-syarat yang digariskan oleh Islam seperti tidak terdapat gambar salib dan sebagainya (Jawiah 2000).

Muslimah mesti menjauhi pakaian yang menzahirkan bentuk badan atau seakan telanjang. Ini berdasarkan hadith riwayat Muslim:

Mafhumnya: Daripada Abu Hurairah RA, dia berkata: Rasulullah SAW telah bersabda: "Ada dua golongan ahli neraka yang belum pernah aku lihat, iaitu kaum yang membawa cambuk seperti ekor lembu yang mereka gunakan untuk memukul orang lain dan para wanita yang berpakaian tapi auratnya terlihat yang berjalan melenggok-lenggok, sedangkan kepala mereka bagaikan bonggol unta yang miring". Mereka itu tidak akan masuk ke dalam syurga dan juga tidak akan mencium bau syurga. Padahal, harum semerbak syurga itu dapat dirasakan dari jarak yang begini (Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab tentang pakaian dan perhiasan, Bab: Wanita yang berpakaian tapi auratnya nampak, hlm. 846, No. 2128).

Dalam hal ini, Imam Nawawi (1999) menjelaskan berpakaian tetapi auratnya nampak ialah dengan mereka tidak menutup keseluruhan badan. Mereka juga memakai pakaian yang ketat dan sebagainya sehingga menampakkan warna kulit badan mereka.

6. Muslimah mesti tidak bertabarruj dan bertingkah laku sebagaimana perilaku orang Jahiliah terdahulu. Sebagaimana yang Allah SWT firmankan dalam al-Qur'an, surah al-Ahzab, 33:33, yang mafhumnya: "Serta janganlah kamu

mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang Jahiliah zaman dahulu”.

Al-Qurtubi (2004) menjelaskan setiap perempuan seharusnya tidak melakukan perkara-perkara yang dilakukan oleh para wanita sebelum mereka. Selain itu, pakaian tersebut juga bukan sebagai perhiasan ataupun *tabarruj*. Iaitu dengan tidak mengenakan warna yang terang ataupun yang boleh menjolok mata orang yang melihatnya. Ini kerana tidak dinamakan hijab syar'ie jika ia bersifat perhiasan. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Qur'an, surah al-Nur, 24:31, yang mafhumnya: “Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya (muka dan kedua telapak tangan)”.

Al-Sabuni (2007) menjelaskan maksud *ma zahara minha* ialah tanpa niat ataupun tidak sengaja. Akan tetapi, jika ia sendiri telah bersifat dengan sifat perhiasan, setiap Muslimah mesti menjauhinya atau tidak memakainya. Ini kerana hijab syarii bermaksud mencegah diri daripada mempamerkan perhiasan kepada *ajnabi*.

7. Muslimah mesti menjauhi *tashabbuh* dalam berpakaian. Ini bermaksud fesyen yang dipakai tidak menyerupai lelaki, seperti wanita berkemeja dan berseluar panjang sehingga menyebabkan orang menyangka itu adalah lelaki, dan hukumnya haram. Ini berdasarkan hadith riwayat al-Bukhari:

Mafhumnya: Diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas bahawa Nabi Muhammad SAW mengutuk lelaki yang menyerupai perempuan dalam mengenakan pakaian dan bertingkah laku seperti perempuan dan sebaliknya juga perempuan yang berpakaian dan bertingkah laku seperti lelaki dan berkata, “Keluarkan mereka dari rumah-rumahmu”. Nabi Muhammad SAW mengeluarkan si fulan, begitu juga 'Umar (al-Dhahabi, *Sahih al-Bukhari ma'a Kashf al-Mushkil li al-Imam Ibn al-Jawzi*, Kitab: Pakaian. Bab: Wanita menyerupai lelaki apabila keluar dari rumah, hlm. 114, No. 615885).

Al-Albani (2000) menjelaskan hadith ini mengandungi petunjuk yang jelas mengenai pengharaman wanita yang menyerupai kaum lelaki, begitu pula sebaliknya. Ia bersifat umum dan meliputi masalah pakaian dan sebagainya.

Dalam hal berpakaian, wanita Muslimah telah disyariatkan untuk bertudung dengan tujuan untuk menutup aurat mereka. Selain daripada itu, Islam juga telah menggariskan panduan khusus kepada wanita untuk dipatuhi dalam aspek pakaian seperti pakaian tersebut mesti menutup aurat, mesti menjauhi pakaian yang menzahirkan

bentuk badan dan tidak bertabarruj. Oleh itu, sebagai seorang wanita Muslimah, pendakwah wanita juga tidak terkecuali dalam mematuhi garis panduan tersebut. Ini kerana mereka perlu sentiasa mematuhi garis panduan Islam dalam berpakaian agar usaha murni mereka mendapat kerediaan Allah SWT.

*Dari Segi Spiritual* Dalam aspek penampilan, faktor spiritual tidak boleh diabaikan kerana faktor ini dinilai oleh Allah SWT. Setiap Muslimah mesti mempunyai sifat dalaman atau spiritual yang baik dalam berpakaian. Antara sifat dalaman tersebut ialah:

1. Bersifat dengan sifat takwa. Ini kerana pakaian takwa ialah pakaian terbaik di sisi Allah SWT. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Qur'an, surah al-'Araf, 7:26, yang mafhumnya: “Dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya”. Dalam hal ini, pelbagai takrifan diberikan tentang pakaian takwa ini sebagaimana al-Qurtubi (2004) menyatakan pakaian yang dimaksudkan di sini ialah sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn 'Abbas dan 'Urwah, iaitu amal salih dan rasa takut kepada Allah SWT.
2. Dalam berpakaian juga, Muslimah mesti merasa diri berada dalam pemerhatian Allah SWT dan merasa malu untuk melakukan tegahan-Nya. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Qasas, 28:25, yang mafhumnya: “Kemudian seorang daripada perempuan dua beradik itu datang mendapatkannya dengan berjalan dalam keadaan tersipu-sipu”. Dalam menjelaskan ayat ini, al-Tabari (1945) menyatakan seorang daripada dua wanita yang telah dibantu Musa mengambil air dan datang kepadanya dalam keadaan malu sambil menutup wajahnya dengan kain. Sementara Shaykh 'Imad Zaki al-Barudi (dalam Rokiah 2004) juga menyatakan wajib bagi setiap Muslimah untuk menghiasi dirinya dengan perasaan malu. Cara berpakaian seseorang itu juga dapat diberi nilai bagaimana tingkah lakunya. Seseorang itu perlu mempunyai sifat malu dalam kelakuannya kerana malu itu ialah sebahagian daripada iman. Manakala nilai akhlak yang tinggi berlandaskan keimanan yang sempurna melalui jiwa yang harmoni yang tidak mudah tergoda oleh fesyen-fesyen pakaian yang bercanggah dengan syariat Islam (Rokiah 2004).
3. Dalam berpakaian juga, Muslimah mesti menjauhi sifat membangga diri dalam berpakaian ataupun

riak. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, 2:264, yang mafhumnya:

Wahai orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat. Bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi) (Demikianlah juga halnya orang yang kafir dan riak itu), mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir.

Mengenai ayat ini, al-Qurtubi (2004) menyatakan orang yang melakukan sesuatu kerana ingin menunjuk-nunjuk atau riak, tiada pahala baginya. Samalah juga orang yang bersedekah kerana riak, sedekah mereka dikira tiada nilai di sisi Allah SWT dan sama seperti sedekahnya orang kafir. Sementara Isham Bin Muhammad Al-Sharif (2006) menjelaskan seseorang itu mesti menjauhi sifat *riya'* dalam berpakaian agar terhindar daripada kemurkaan Allah SWT.

Berdasarkan faktor-faktor di atas, pengkaji berpendapat sifat dalaman dari aspek penampilan Muslimah, termasuk juga pendakwah wanita sangat penting kerana ia juga akan diberikan balasan oleh Allah SWT, sama ada pahala atau dosa. Contohnya seperti bersifat dengan sifat takwa, merasa diri dalam pemerhatian Allah SWT dan tidak riak dalam penampilan yang dipakai atau dipamerkan.

#### ETIKA PERHIASAN PENDAKWAH WANITA

*Dari Segi Praktikal* Islam telah menggariskan panduan yang khusus kepada Muslimah dalam etika perhiasan. Aspek praktikal atau luaran ini penting berdasarkan pendapat al-Sabuni (2007) yang membincangkan mengenai perhiasan yang diharamkan bagi wanita untuk dipamerkan. Hal ini sebagaimana dalil daripada firman Allah SWT dalam surah al-Nur, 24:31, yang mafhumnya: “Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka”.

Dalil ini menunjukkan bukti pengharaman ke atas wanita Muslimah mempamerkan perhiasan mereka kepada lelaki *ajnabi* bagi mengelak timbulnya perkara-perkara yang tidak elok atau fitnah. Ini kerana perhiasan itu sendiri maksud pada asalnya ialah segala

apa yang dikenakan atau dipakai oleh wanita untuk tujuan mencantikkan diri, sama ada ia dari jenis pakaian, perhiasan dan sebagainya sehingga meliputi anggota badan yang dipakaikan. Antara etika Islam dalam aspek perhiasan dari segi praktikal ialah:

1. Setiap Muslimah mesti tidak meniru golongan kafir atau Jahiliah dalam bab perhiasan. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam, surah al-Ahzab, 21:33, yang mafhumnya: “Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang Jahiliah zaman dahulu”. Al-Qurtubi (2004) menyatakan kaum wanita tidak sewajarnya melakukan perkara-perkara yang dilakukan oleh para wanita sebelum mereka, iaitu berjalan dengan berlegang-legang lemah gemalai, gedik, memperlihatkan kecantikan tubuh yang mereka miliki kepada kaum *ajnabi* dan sebagainya yang dilarang oleh agama. Larangan ini juga merangkumi cara berbicara seseorang wanita terhadap orang lain yang bukan muhrimnya dan sebagainya.
2. Dalam perhiasan juga, Muslimah disuruh agar tidak bertabarruj. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab, 33:33, yang mafhumnya “Janganlah kamu mendedahkan diri”. Mengenai ayat ini, al-Qurtubi (2004) menyatakan seseorang wanita tidak sepatutnya memperlihatkan sesuatu yang sebaiknya perlu ditutupi pada pandangan umum.
3. Muslimah juga mesti tidak memakai perhiasan yang berbunyi. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nur, 24:31, yang mafhumnya: “Dan jangan mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka”. Dalam perkara ini, al-Qurtubi (2004) menjelaskan maksudnya ialah perempuan tidak boleh menghentakkan kakinya ketika berjalan agar suara gelang kakinya terdengar. Ini kerana memperdengarkan suara perhiasan itu sama dengan menampakkan perhiasan, bahkan lebih lagi. Tujuan larangan itu adalah untuk menutup diri. Selain itu juga, *al-Zujaj* menambah lagi bahawa dengan memperdengarkan suara perhiasan itu lebih dapat menggerakkan syahwat daripada menampakkannya.
4. Muslimah juga mesti tidak menzahirkan perhiasan diri di bahagian-bahagian aurat kepada *ajnabi*. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nur, 24:31, yang mafhumnya:

Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan

hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka, atau bapa mentua mereka, atau anak-anak mereka, atau anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji daripada orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi daripada perhiasan mereka dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang yang beriman, supaya kamu berjaya.

Imam al-Dhahabi (1989) turut memberi penjelasan bahawa antara wanita yang dilaknat ialah wanita yang memperlihatkan perhiasannya seperti emas atau mutiara yang ada di sebalik pakaian mereka serta mengenakan wangian seperti minyak kasturi semasa keluar dari rumah. Semua yang menjurus kepada kategori hiasan seperti manik-manik, kain sutera, melebar dan memanjangkan lengan dan sebagainya juga termasuk dalam perhiasan. Orang yang melakukannya termasuk dalam golongan yang dimurkai Allah SWT sama ada di dunia atau akhirat. Keberanian golongan wanita berbuat seperti itu dan perbuatan lain yang diharamkan Allah SWT menyebabkan mereka menghuni neraka.

Kajian ini dapat menyimpulkan Islam tidak melarang Muslimah atau pendakwah wanita untuk menghiasi diri mereka dengan perhiasan, asalkan ia mematuhi garis panduan sebagaimana yang ditetapkan oleh Islam. Contohnya, seperti tidak meniru golongan kafir dalam bab perhiasan, tidak bertabarruj dan tidak memakai perhiasan berbunyi.

*Dari Segi Spiritual* Islam menitikberatkan aspek dalaman setiap manusia agar ia sentiasa berada dalam keredaan Allah SWT. Begitu juga dalam bab perhiasan, setiap Muslimah mesti mempunyai sifat dalaman yang baik agar terhindar daripada perbuatan dosa. Antara sifat dalaman yang perlu ada pada diri Muslimah dalam perhiasan ialah seperti:

1. Setiap Muslimah mesti menjauhi sifat riak dalam perhiasan. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nisa', 4:38, yang mafhumnya: "Dan juga orang yang membelanjakan hartanya dengan menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak) dan mereka tidak pula beriman kepada

Allah SWT dan tidak juga beriman kepada hari akhirat". Ini sebagaimana tafsiran Ibn al-'Arabi (2008) terhadap ayat di atas dengan membuat perumpamaan bahawa orang yang membelanjakan hartanya dengan tujuan untuk bermegah-megah adalah lebih buruk daripada orang yang bakhil. Selain itu, sikap menunjuk-nunjuk boleh menyemai benih-benih riak dan berbangga dengan diri sendiri akibat kecantikan hasil *tabarruj*. Seterusnya, ia boleh menimbulkan sikap melebihi-lebihkan diri sendiri dan merendah-rendahkan orang lain, iaitu takbur (Mohd. Hanif 2010).

2. Dalam perhiasan juga, Muslimah juga hendaklah menjadi hamba yang bertakwa. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-'Imran, 3:102, yang mafhumnya: "Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, dan janganlah sekali-kali kalian mati melainkan kamu dalam keadaan Islam". Ibn Kathir (1973) menyatakan setiap manusia wajib taat kepada Allah SWT dan tidak bermaksiat terhadap-Nya, selalu mengingati-Nya dan tidak melupai-Nya, selalu bersyukur kepada-Nya dan tidak ingkar terhadap nikmat-Nya dan seterusnya memelihara kesucian Islam dalam apa jua keadaan sekalipun agar mendapat pengakhiran yang baik dengan mati dalam keadaan Islam.
3. Dalam perhiasan juga, setiap muslimah mesti tidak mudah terpedaya dengan hasutan syaitan. Ini sebagaimana Allah SWT berfirman tentang janji busuk syaitan kepada anak cucu Adam dalam, surah al-Nisa', 4:119, yang mafhumnya: "Dan ingatlah sesiapa yang mengambil syaitan menjadi pemimpinnya yang ditaati selain daripada Allah SWT, sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata". Al-Qurtubi (2004) menyatakan sesiapa yang mematuhi dan meninggalkan perintah Allah SWT ertinya mereka ialah orang yang bodoh dan lemahnya iman dalam diri mereka sehingga menyerahkan hak Allah SWT kepada syaitan dan meninggalkan perintah-Nya.

Kajian ini menyimpulkan sifat dalaman atau spiritual seseorang Muslimah, termasuk pendakwah wanita juga, penting dalam etika perhiasan seperti tidak bersifat riak, bersifat dengan sifat takwa dan tidak mudah terpedaya dengan hasutan syaitan. Ini kerana dengannya akan mendapat keberkatan daripada Allah SWT, sama ada di dunia atau akhirat.

## ETIKA SOLEKAN PENDAKWAH WANITA

*Dari Segi Praktikal* Allah SWT tidak mengharamkan bersolek dalam kalangan wanita selagi mana mereka tidak melampaui batas atau tidak melanggar garis panduan Islam. Namun begitu, mereka terikat dengan garis panduan bersolek sebagaimana yang digariskan oleh Islam. Antara garis panduan bersolek tersebut dari sudut praktikal ialah:

1. Muslimah mesti tidak *bertabarruj* dalam solekan anggota badan seperti di muka dan tangan. Ini termasuk tidak mengenakan solekan yang tebal pada wajah, mewarnai muka dengan pelbagai warna, tidak memakai gincu yang terang dan tidak memakai pewarna kuku selain daripada inai yang dihalalkan. Ini sebagaimana yang dijelaskan menerusi firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab, 33:33, yang mafhumnya:

Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang Jahiliah zaman dahulu, dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat, dan taatlah kamu kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan kamu dengan semua itu hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu, wahai *ahli bait*, dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya daripada segala perkara yang keji.

Al-Qurtubi (2004) menjelaskan makna *tabarruj* ialah memperlihatkan sesuatu yang sewajarnya ditutupi dan menyatakan juga bahawa kaum wanita perlu untuk tidak melakukan perkara-perkara yang dilakukan oleh golongan wanita sebelumnya.

2. Muslimah juga mesti tidak menggunakan solekan-solekan yang menjolok mata atau boleh menimbulkan fitnah seperti memakai pewarna pipi yang pelbagai warna dan memakai gincu bibir yang berkilat (Shalaby 2001). Bahan-bahan tersebut juga mesti tidak berwarna terang dan garang (Jawiah 2000).
3. Dalam solekan juga, Muslimah tidak boleh memakai bulu mata palsu. Ini kerana hukumnya jelas haram dalam Islam berdasarkan hadith riwayat Muslim:

Mafhumnya: Daripada Jabir ibn ‘Abd Allah RA dia berkata: “Rasulullah SAW melarang kaum wanita untuk menyambung rambutnya dengan sesuatu” (Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab tentang pakaian dan perhiasan, Bab Wanita yang berpakaian tapi auratnya nampak, hlm. 1041, No. 3206).

Imam Nawawi (1999) menyatakan hadith ini jelas menunjukkan pengharaman menyambung

rambut, sama ada orang yang memakainya atau orang yang diminta dipakaikan rambut tersebut.

4. Muslimah juga mesti tidak menipiskan atau mencukur bulu kening dan tidak memakai pendakap gigi untuk tujuan yang tidak baik. Ini berdasarkan hadith riwayat Muslim:

Mafhumnya: Daripada ‘Abd Allah RA Abdullah ibn Mas’ud RA dia berkata, “Allah telah mengutuk orang yang membuat tatu dan orang yang minta dibuat tatu, orang-orang yang mencabut bulu mata” (Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab tentang pakaian dan perhiasan, Bab: Kutukan Allah SWT kepada wanita yang membuat tatu, merenggangkan giginya untuk kecantikan, hlm. 1040, No. 3205).

Imam Nawawi (1999) menyatakan haram mencukur sebarang bulu yang tumbuh di wajah kecuali jika seseorang wanita itu ditumbuhi janggut atau misai, ia diharuskan untuk membuang atau mencukurnya.

Kajian ini menyimpulkan bahawa Muslimah, termasuk juga pendakwah wanita, mesti mematuhi garis panduan Islam dalam bersolek seperti tidak *bertabarruj*, tidak menggunakan solekan yang menjolok mata dan tidak memakai bulu mata palsu. Ini kerana setiap perbuatan itu akan diganjar oleh Allah SWT sesuai dengan perbuatan mereka.

*Dari Segi Spiritual* Muslimah tidak seharusnya leka dalam solekan mereka, sebaliknya mereka mesti mempunyai sifat dalaman ataupun spiritual yang baik dalam hal tersebut. Antara etika dalam solekan anggota badan dari segi spiritual ialah:

1. Muslimah mesti mengutamakan pandangan Allah SWT dalam bersolek dan menjauhi sifat riak. Ini sebagaimana hadith riwayat Muslim:

Mafhumnya: Telah berkata ‘Abd Allah ibn Musallamah, kami telah diberitahu Malik, daripada Yahya ibn Sa’id, dari Muhammad ibn Ibrahim, daripada ‘Alqamah ibn Waqqash, daripada ‘Umar, bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Tiap-tiap amal perbuatan harus disertai dengan niat, balasan bagi setiap amal manusia sesuai dengan apa yang diniatkan. Barangsiapa yang berhijrah untuk mengharap dunia atau seorang perempuan untuk dinikahi, hijrahnya sesuai dengan apa yang diniatkan” (al-Dhahabi, *Sahih al-Bukhari ma’a Kashf al-Mushkil li al-Imam Ibn al-Jawzi*, Kitab: Iman. Bab: Tiap-tiap amal perbuatan harus disertai dengan niat, balasan bagi setiap amal manusia sesuai dengan apa yang diniatkan, hlm. 45, No. 54).

Ibn Hajar al-‘Asqalani (1999) menyatakan sesuatu amalan dikira berdasarkan niat. Justeru, setiap manusia mesti mempunyai niat yang baik dan mempertahankan niat mereka itu dengan menahan diri untuk tidak melakukan perkara-



perkara keji kerana takutkan Allah SWT. Balasan pahala akan diganjari oleh Allah SWT kepada mereka.

2. Dalam bersolek juga, Muslimah mesti bersolek dalam keadaan yang diredhai Allah SWT dan tidak terpedaya dengan hasutan syaitan. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah an-Nisa', 4:119, yang mafhumnya: "Dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain daripada Allah, sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata". Menerusi ayat ini, Ibn al-'Arabi (2008) menjelaskan apabila Iblis enggan sujud serta membantah apa yang disuruh oleh Allah SWT supaya bersujud, Allah SWT menetapkan hukuman dan laknat-Nya terhadapnya. Kemudian Iblis meminta diberi tempoh dan Allah SWT memperkenankannya, demi menambah lagi laknat ke atasnya.

Hal ini juga berkait untuk tidak mengubah ciptaan Allah SWT kerana ia merupakan dosa besar dan haram. Ini kerana Allah SWT melaknat pelaku dan orang yang menyuruh untuk melakukannya. Adapun syaitan gemar melakukan perbuatan sebegini sebagaimana Allah SWT berfirman tentang janji busuk syaitan untuk menghasut anak cucu Adam ke arah kemaksiatan. Selain itu juga, jangan kerana berhias yang tidak mamatuhi kehendak syariat membuatkan hidup ini hilang keberkatan daripada Allah SWT seterusnya mendapat kesusahan di dunia dan di akhirat (al-Sharif 2011). Namun begitu, dibolehkan dalam Islam mengubah ciptaan Allah SWT dengan sebab yang dibenarkan di dalam Islam. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, 2:185, yang mafhumnya: "Dengan ketetapan yang demikian itu, Allah SWT menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran". Ibn Kathir (1973) menerangkan Allah SWT suka memberi keringanan untuk hamba-hamba-Nya dan tidak suka menyukarkan kehidupan hamba-hamba-Nya. Jawiah (2000) pula menjelaskan bahawa dibolehkan mengubah ciptaan Allah SWT bagi tujuan perubatan atau mengubah kecacatan kepada kejadian asli mereka.

Kajian ini menyimpulkan bahawa Muslimah, termasuk juga pendakwah wanita, mesti mempunyai sifat dalaman yang baik seperti mengutamakan pandangan Allah SWT dan bersolek dalam keadaan yang diredhai oleh Allah SWT. Seterusnya, perkara ini

akan memberikan ganjaran terhadap usaha dakwah yang mereka laksanakan.

## KESIMPULAN

Islam telah meletakkan garis panduan kepada pendakwah Muslimah, khususnya dalam aspek penampilan yang melibatkan pakaian, perhiasan dan solekan anggota badan. Semua ini meliputi dari segi praktikal (luaran) dan spiritual (dalaman). Garis panduan aspek penampilan yang bersumberkan al-Qur'an adalah penting kepada pendakwah wanita supaya mereka dapat menjaga penampilan selaras dengan syariat Islam. Justeru, Islam tidak melarang golongan wanita untuk melibatkan diri dalam arena dakwah, khususnya melalui medium televisyen. Namun begitu, mereka perlu mematuhi garis panduan berdakwah sebagaimana yang ditetapkan oleh syariat Islam agar wanita Muslimah dipandang mulia serta dapat menjaga kesucian dan keperibadian mereka.

## RUJUKAN

- al-Albani, Muhammad Nasr al-Din. 2002. *Jilbab al-Mar'ah al-Muslimah fi al-Qur'an wa al-Sunnah*. Riyad: Maktabat al-Ma'arif.
- Amini Amir Abdullah. 2009. Jangan keras dalam dakwah. *Utusan Malaysia*, 3 Mac.
- al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar. 1999. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Juz. 1. al-Qahirah: Dar al-Manar.
- al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar. 2000. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Juz. 5. Lubnan: Dar al-Fikr.
- al-Dhahabi, Mustafa. 2000. *Sahih al-Bukhari ma'a Kashf al-Mushkil li al-Imam Ibn Jawzi*. Jil. 3 & 4. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Haslina Ibrahim. 2012. *Wanita: Hala Tuju dan Cabaran dalam Dakwah*. Universiti Islam Antarabangsa.
- Ibn Kathir, Abu Fida' Isma'il. 2000. *Tafsir Ibn Kathir*. Terjemahan. Jil.1. Bandung: Penerbit Sinar Baru Algensido.
- Jawiah Dakir. 2000. *Pakaian dan Perhiasan Wanita Mengikut Perspektif Islam*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Matlub, Ahmad. 1995. *Mu'jam al-Malabis fi Lisan al-'Arab*. Bayrut: Maktabat al-Ma'arif.
- Mohd Hanif Ismail. 2010. *Wanita Cantiknya Dirimu Bila Berjilbab*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Muslim, al-Naysaburi Imam Abu Husayn ibn al-Hajjaj. 2001. *Sahih Muslim*. Byrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- al-Nawawi, Muhyi al-Din Abu Zakaria Yahya. 1999. *Sahih Muslim Sharh Nawawi*. Jil.3&7. al-Qahirah: Dar al-Fajar li al-Turath.
- al-Nawawi, Muhyi al-Din Abu Zakaria Yahya. 1999. *Sahih Muslim*. Bayrut: Dar Nawadir.
- Nor Fairoz Abdul Mutalib. 2008. *Gejala Sosial Masyarakat Melayu Kini: Kegagalan Dakwah*. Jil. 12. Selangor: Darul Quran.
- al-Qaradawi, ‘Abd Allah Yusuf. 1992. *Awlawiyyat al-Harakah al-Islamiyyah*. al-Qahirah: Maktabat Wahbah.
- al-Qurtubi, ‘Abd Allah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari. 2004. *al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*. Jil. 1, 5, 7, 12 & 14. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Rokiah Ahmad. 2004. *Mengapa Aurat Haram Didedah? Satu Realiti Masa Kini*. Cet.1. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.
- Rusydi Ramli al-Jauhari & Haliza Aris. 2011. *Aurat Mahkota Wanita*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- al-Sabuni, Muhammad ‘Ali. 2007. *Tafsir Ayat Ahkam min al-Qur’an*. Jil.2. al-Qahirah: Dar al-Sabuni.
- Serimah Mohd Salleh. 2010. Mantapkan Program Keagamaan. *Berita Harian*. 29 Disember.
- Shalabi, Ahmad. 2001. *Kehidupan Sosial dalam Pemikiran Islam*. Terjemahan. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- al-Sharif, Muhammad. 2011. *40 Hadith Wanita Bunga Rampai Hadith Fikih dan Akhlak*. Terjemahan. Pakistan: Dar al-Kitab wa al-Sunnah.
- al-Tabari, Abu Ja‘afar Muhammad ibn Jarir. 2005. *Jami’ al-Bayan al-Ta’wil al-Qur’an*. Jil. 20. al-Qahirah: Dar al-Salamah.
- Shafiza Shafie  
Jabatan Pengajian al-Qur’an dan al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA
- Fadlan Mohd Othman  
Jabatan Pengajian al-Qur’an dan al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
fadlan@ukm.edu.my